

DATE : 6 May 2015
PUBLICATION : Berita Harian
SECTION : Bisnes
HEADLINE : Maybank AM lancar dana ekuiti Islam pertama

BH 6 MEI 2015 RABU

Maybank AM lancar dana ekuiti Islam pertama

» *Dijangka beri sumbangan positif kepada portfolio pelaburan berlandas syariah*

Oleh **Che Wan Badrul Alias**
chewan@bh.com.my

Maybank Asset Management Sdn Bhd (Maybank AM), cabang pengurusan aset Kumpulan Maybank, bersama Maybank Islamic Asset Management (MIAM), melancarkan dana ekuiti Islam pertama negara di bawah rangka kerja passport ASEAN.

Dana dikenali Maybank Bosera Greater China ASEAN Equity-i Fund, dilancarkan untuk memanfaatkan potensi besar dalam pasaran ekuiti China dan ASEAN menerusi usaha sama

Bosera Asset Management (International) Co Ltd (Bosera).

Ketua Eksekutif Kumpulan Maybank Asset Management Group, Nor' Azamin Salleh, berkata dana itu dijangka memberi sumbangan positif kepada portfolio pelaburan berlandaskan syariah Maybank AM yang kini berjumlah RM6.6 bilion sehingga 31 Mac 2015.

Katanya, ia sejajar sasaran pertumbuhan jumlah aset di bawah pengurusan (AUM) bagi aset berlandaskan Syariah yang ditetapkan kumpulan kepada RM9 bilion tahun ini, meningkat RM2.4 bilion daripada jumlahnya kini.

"Ketika ini, jumlah AUM Kumpulan Maybank AM adalah sebanyak RM15.2 bilion dan kami sasarkan menjelang akhir tahun ini, jumlah keseluruhannya akan melebihi RM20 bilion.

"Menerusi pelancaran dana ini, kami yakin dapat mengekalkan pertumbuhan yang diraih tahun lalu sebanyak 21 peratus untuk meletakkan kumpulan



Nor' Azamin (kanan) bersama Cheng (dua dari kiri) pada pelancaran **dana Maybank Bosera Greater China ASEAN Equity-i Fund**, di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SURIANIE MOHD HANIE/BH]

sebagai pengurusan aset paling pesat berkembang," katanya pada sidang media selepas pelancaran dana itu di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Eksekutif & Ketua Portfolio Strategi Bosera, Conrad Cheng.

Dana dagangan terbuka itu

menawarkan peluang pelaburan dalam tiga kelas berbeza dengan Kelas A didagangkan dalam mata wang ringgit untuk pelabur runcit; Kelas B dalam dolar AS juga untuk pelabur runcit; manakala Kelas C dalam mata wang dolar AS hanya untuk pelabur institusi.